

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



LAPORAN BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK 2023 UNTUK PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT, KOLEJ PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

Pada tarikh 28 Disember 2022, hari Rabu, bermula pada jam 9 pagi hingga 5 petang, seramai 17 orang pensyarah daripada Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dengan diketuai oleh Puan Noor Faraliza Binti Samsudin selaku Ketua Pusat Pengajian telah menghadiri Bengkel Perancangan Strategik 2023 yang berlangsung di bilik Seri Merawan, Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.



Gambar 1: Peserta bengkel sedang mempersembahkan hasil perbincangan kumpulan

*Ahmad Azman
Mohamad Ramli, Noor
Faraliza Samsudin,
Norhidayu Md Yatim &
Mohd Naim Mohd
Nasfi*

*Pengajian Sains Maklumat,
Kolej Pengajian
Pengkomputeran, Informatik
dan Media*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk berbincang dan menetapkan *Key Performance Indicators* (KPI) dan *Performance Indicators* (PI) bagi tahun 2023 yang perlu dicapai oleh Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Bengkel ini dilaksanakan pada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang. Sesi pagi bermula pada jam 9 pagi hingga 12 tengahari. Selepas rehat untuk makan tengahari dan solat Zuhur, sesi petang disambung semula pada jam 2 petang dan berakhir pada jam 5 petang. Sepanjang bengkel ini berlangsung, setiap peserta bengkel telah memberikan kerjasama yang baik dalam menyumbang pelbagai idea dan cadangan untuk memastikan KPI dan PI yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan lancar dan boleh dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, aktiviti yang dilaksanakan dalam bengkel ini juga telah berjaya mengeratkan lagi hubungan mesra sesama peserta seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan *Happiness Index* UiTM.



Gambar 2: Peserta bergambar ramai selepas bengkel berakhir

Kesimpulannya, bengkel ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Hal ini adalah disebabkan setiap peserta bengkel telah memberi komitmen dan kerjasama yang terbaik sepanjang bengkel ini berlangsung. Sehubungan dengan itu, diharapkan Pengajian Sains Maklumat Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau akan berjaya mencapai semua KPI dan PI yang ditetapkan dan seterusnya membantu UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.